

KENYATAAN MEDIA

361 ORANG SUKARELAWAN SWM KASIH BERSIH PANTAI SEMPENA SAMBUTAN HARI PEMBERSIHAN SEDUNIA DAN HARI OZON SEDUNIA 2023.

PORT DICKSON, 30 SEPTEMBER 2023 – Dalam usaha untuk memulihara alam sekitar dan menyemarakkan semangat Hari Pembersihan Sedunia dan Hari Ozon Sedunia 2023, SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) telah menjalin kerjasama dengan Great Eastern Takaful Berhad (GETB) dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan (JAS) dalam menjalankan aktiviti pembersihan pantai yang melibatkan 361 orang sukarelawan.

"Kami di SWM Environment amat teruja dengan sambutan program pembersihan pantai pada tahun ini. Dengan adanya kerjasama daripada GETB dan JAS, ia merupakan tanda kejayaan komuniti kita bersatu untuk menjaga alam sekitar," kata Pengurus Besar Korporat, SWM Environment, Mohd Norlisam Bin Mohd Nordin. "Selain membersihkan pantai, kami juga ingin meningkatkan kesedaran tentang pentingnya menjaga lapisan ozon bumi yang semakin menipis."

Hari Pembersihan Sedunia dan Hari Ozon Sedunia yang disambut pada hari yang sama pada 16 September 2023 merupakan inisiatif global yang menyatukan masyarakat dalam membersihkan alam sekitar. Usaha ini bertujuan untuk mengurangkan pelepasan karbon dan meningkatkan kesedaran tentang isu alam sekitar yang kritikal. Sukarelawan daripada komuniti tempatan, institusi dan pertubuhan bukan kerajaan mengambil bahagian dalam membersihkan kawasan awam sambil menekankan kepentingan pemeliharaan lapisan ozon dan tanggungjawab alam sekitar.

Dalam program kali ini, sukarelawan yang terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan seperti SWCorp Negeri Sembilan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), serta institusi pendidikan berjaya mengumpulkan sejumlah **10,651 putung rokok**, diikuti dengan **636 sudu garfu plastik**. Selain itu, sebanyak **592 beg plastik**, **203 penutup botol plastik** dan **178 botol plastik** turut berjaya dikumpulkan semasa pelaksanaan aktiviti pembersihan.

Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Takaful Berhad, En. Shahrul Azlan Shahrman, berkata, "Kami amat berbesar hati untuk berkolaborasi dengan pihak SWM Environment dalam inisiatif ini demi kelestarian alam sekitar dan untuk mengurangkan impak negatif pencemaran sisa plastik terhadap persekitaran. Malahan, kami juga berpeluang untuk memberi kesedaran dan melaksanakan demonstrasi mesin kitar dan hasil semula 2-dalam-1 (*upcycling machine*) kepada para peserta untuk menunjukkan bahawa plastik terpakai boleh dikitar semula dan ia boleh menghasilkan barangan baharu yang lebih berkualiti. Kami percaya bahawa menjaga alam sekitar adalah tanggungjawab bersama dan kami ingin mencapai kejayaan ke arah membudayakan gaya hidup hijau melalui program ini. Besar harapan kami agar lebih banyak

organisasi korporat dapat bersatu dalam memelihara alam sekitar demi kualiti hidup yang lebih baik.”

Selain membersihkan pantai, kesedaran tentang kepentingan penjagaan lapisan ozon bumi juga diserapkan. Melalui aktiviti hijau dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar, ia dapat membantu mengurangkan penghasilan gas metana daripada sisa pepejal yang dijana oleh orang ramai. Walaupun gas metana hanya merangkumi kira-kira 11 peratus daripada pelepasan gas rumah hijau dan bertahan sekitar 12 tahun di udara, ia masih dapat memerangkap haba di atmosfera 80 kali lebih tinggi berbanding karbon dioksida sekiranya ianya tidak diurus dengan baik.

Sehingga Ogos 2023, terdapat 8,757 ahli KITAREcycle dan sejumlah 8,000 tan barangan kitar semula berjaya diselamatkan daripada dihantar ke pusat pelupusan sampah hasil daripada program KITAREcycle di Negeri Sembilan. Hasil tersebut bukan sahaja daripada sumbangan ahli yang menggunakan fasiliti Pusat Pandu Lalu KITAREcycle, tetapi turut melibatkan agensi-agensi kerajaan, swasta, institusi pendidikan, komuniti setempat, badan bukan kerajaan (NGO) dan sebagainya sebagai rakan strategi SWM Environment.

Justeru itu, orang ramai diseru untuk melaksanakan kitar semula dengan menyertai program kitar semula berdigital KITAREcycle yang menawarkan penebusan mata ganjaran kepada wang tunai secara dalam talian. Orang ramai hanya perlu memuat turun aplikasi KITAREcycle di telefon pintar atau melayari <https://portal.kitarecycle.com> dan mendaftar sebagai ahli secara percuma.

-TAMAT-

MENGENAI SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang menyediakan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan sejak tahun 1995, melalui perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara (Akta 672).

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca (SAS), kitar semula dan pengkomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan menerima mata ganjaran untuk lebih daripada 25 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Apple Store* dan *Google Play Store*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Pejabat Wilayah Negeri Sembilan)

Tel : 06 – 6014280/ 012 – 684 7168

E-mel : nurulliza.najib@swmsb.com

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET Pintar), Pembangunan Komuniti (GET-Care) dan kelastarian alam sekitar (GET Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards dan “Penyedia Solusi Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA). Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateastertakaful.com.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat
Great Eastern Takaful Berhad
Tel : 016 - 209 234
E-mel : MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com